

55,000 pengguna di Kuantan alami gangguan air esok

Oleh NORAWAZNI YUSOF

[Follow](#)

24 Jun 2024 01:18pm

Masa membaca: 4 minit



Kira-kira 55,000 pengguna air di Kuantan bakal terjejas susulan kerja-kerja Tenaga TNB yang menjejaskan operasi LRA Panching pada Selasa. Gambar hiasan

KUANTAN - Kira-kira 55,000 pengguna air di daerah ini bakal terjejas susulan kerja-kerja Tenaga Nasional Berhad (TNB) yang menjejaskan operasi Loji Rawatan Air (LRA) Panching pada Selasa.

Pengurus Daerah Kuantan, Pengurusan Air Pahang Berhad (PAIP), Noor Izwan Bahudin berkata, gangguan itu dijadualkan berlaku kira-kira jam 9 pagi sehingga 5 petang pada hari berkenaan.

Menurutnya, kawasan terlibat ialah, Jalan Kuantan Bypass termasuk Permatang Badak, Kampung Pandan, Sungai Isap, Taman Bukit Rengin, Kampung Bukit Rengin, Kampung MPK, Kampung Chendering, Taman Desa Mesra dan kawasan sekitar.

"Seterusnya, Jalan Kuantan - Gambang termasuk Taman Sepakat, Kampung Batu Tiga, Tanah Putih, Kampung Razali Batu 3, Kampung Kurnia, Kampung Belukar, Kampung Sac, Kuipsas, Kampung Air Hitam, Sri Damai, Jaya Gading, Taman Guru, Taman Rasau Perdana, Kampung Teluk Mahang, Taman Tas, Taman Tas Ria,

Pandan Damai dua, Pandan Jaya, Kampung Lubuk Puyu dan kawasan sekitar," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Selain itu, di Taman Inderapura, Taman Sri Damai Makmur, Taman Indera Sempurna, Inderapura Jaya, Perumahan Prima Penor Utara Jaya, PP1AM Indera Sempurna, Rumah Kanak - Kanak Hajah Kalsom dan Kampung Seri Melati juga mengalami gangguan.

Kawasan Kampung Batu Putih, Kampung Soi, Kampung Kempadang, Kampung Pahang dan Taman Berjaya Permai, Kampung Sepat, Kampung Pak Mahat, Bandar Putra, Tanjung Lumpur, Sungai Belat, Kampung Penor, Penjara Penor, Kampung semangat, Ubai, Cheruk Paloh serta kawasan berhampiran.

Noor Izwan memaklumkan seluruh Felda Panching Timur, Panching Utara, Panching Selatan, Kampung Pasir Kemudi, Kampung Ah Tong dan sekitar kawasan sekitar mengalami gangguan.

"Kawasan di Paya Bungor, Paya Rambutan, Gedung Siam, Semuji Agro Resort, PLKN Semuji, Jabatan Veterinar, Kampung Gelugur, Kampung Megat dan kawasan sekitar turut terjejas," katanya.

Sehubungan itu, pengguna di kawasan terlibat dinasihatkan supaya menyimpan air secukupnya.